

NOVEL JUSTERU IMPIAN DI JARING

Novel Justeru Impian di Jaring ini merangkumi nota bagi sinopsis, tema dan persoalan, watak dan perwatakan, teknik plot, plot, gaya bahasa, nilai dan pengajaran.

Sinopsis

Sinopsis Bab 1

Sesi latihan masih berbaki 15 minit, namun kompleks sukan semakin lengang. Syahir baru sahaja menghabiskan sesi wawancara bersama seorang wartawan bernama Azmie. Sejak mengenali Azmie hubungan mereka menjadi akrab. Selepas menghantar Azmie ke kereta Syahir segera menyertai rakan-rakannya yang lain untuk mendengar taklimat daripada Engku Aiman (lingkungan 40-an). Dalam taklimatnya, Engku Aiman (ketua jurulatih) mengingatkan anak buahnya agar tidak mencampuradukkan hal peribadi ataupun publisiti semasa sesi latihan. Syahir terkesan dengan kata-kata tersebut.

Boon Lee bertanyakan sebab kelewatan Syahir dalam taklimat tersebut. Boon Lee memberitahu mereka perlu menyertai Terbuka Johor dan aspek pemilihan berdasarkan prestasi semasa dan bukannya ranking dunia. Wan Najhan mengiyakan kata-kata Boon Lee. Syahir merasakan perjalanannya masih banyak halangan. Syahir sempat meminta maaf kepada Engku Aiman atas kelewatannya dalam sesi taklimat pada petang itu. Namun Syahir menerima sindiran daripada Engku Aiman dan Syed Amiri.

Sinopsis Bab 2

Syahir (anak bongsu) terleka ketika makan sambil menonton televisyen bersama emak dan Kak Uda Syahrizah (pegawai perubatan UKM). Syahir jarang-jarang dapat menikmati masakan ibunya kerana tinggal menyewa bersama Wan Najhan dan Nik Shahnizam berhampiran kompleks sukan. Kak Udanya antara insan yang paling rapat dalam keluarganya dan menyokong kariernya. Namun Kak Ngah Syamilah (akauntan di Johor) tidak menyokong penglibatannya dalam sukan tersebut. Syahir perlu memenangi Terbuka Johor jika ingin ke perlawanan (Kejohanan Badminton Antarabangsa) di Jakarta. Emaknya risau Syahir menangguhkan pengajiannya di UPM Serdang hampir setahun dalam pengajian di Jabatan Sukan UPM. Syahir memohon doa kakaknya dan emaknya agar impiannya untuk mengharumkan nama negara. Syahir tidak melupakan amanat arwah bapanya menjadi anak yang berijazah dan berilmu serta memelihara syariat Islam dalam bersukan. Ayahnya pernah menentang penglibatannya dalam bidang sukan semasa di sekolah menengah. Namun kejayaannya dalam akademik dan sukan telah memadamkan api kemarahan ayahnya. Arwah ayahnya meninggal dunia kerana barah prostat. Abang Long Syakir (pensyarah doktor falsafah) dan Abang Alang Syazali (tahun akhir Kulliyah Syariah Universiti Mu'tah Jordan) banyak mengikut jejak langkah ayahnya (ustaz) dalam bidang agama. Cikgu Kamaludin yang mengasah bakat Syahir semasa di sekolah menengah. Walaupun cemerlang dalam bidang akademik, Syahir pernah menolak tawaran ke sekolah berasrama penuh semata-mata kerana minatnya dalam sukan badminton.

Sinopsis Bab 3

Syahir menghampiri Haji Marzuki (jurulatih & bekas jaguh kebangsaan) yang sedang memantau latihan Bernard. Keputusan mengejut Kelab Badminton Malaysia sering mengganggu fikirannya. Haji Marzuki seakan mengerti isi hati Syahir. Beliau menasihati agar Syahir bersabar dan menganggap mungkin ada hikmahnya. Mengikut ranking rasmi badan dunia, Syahir, Bernard dan Kam Heng layak ke Jakarta. Namun perubahan drastik membenarkan negara memilih empat pemain terbaik sahaja menjadikan peluangnya samar-samar. Para pemain perlu bermain bermati-matian menentang sesama sendiri untuk melayakkan mendapat tempat dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.

Sebelum pulang Syahir dan Wan Najhan singgah makan tengah hari di Restoran 48 Jam. Mereka bertemu dengan Wan Najlah (adik Wan Najhan). Wan Najlah sering mengusik jika berada di sisi abangnya. Wan Najlah mengusik Syahir dengan meminta autograf Syahir kerana profil Syahir diterbitkan dalam Mingguan Riadah.

Sinopsis Bab 4

Syahir bersantai di ruang tamu rumah sewanya. Wan Najhan dan Nik Shahnizam masih belum pulang kerana janji temu seusai latihan. Syahir sayu dan simpati menonton paparan berita umat Islam yang ditindas di Palestin. Kemudian Syahir membaca artikel Mingguan Riadah tentang dirinya. Dalam wawancara tersebut Syahir diajukan beberapa soalan tentang penampilannya sewaktu bersukan. Syahir pernah dituduh mencari publisiti kerana penampilannya yang menutup aurat dalam bersukan sejak di tingkatan 4. Latar belakang keluarganya mempengaruhi penampilannya dan dia tidak berniat mencetuskan kontroversiti. Pada mulanya dia mendapat kritikan namun lama kelamaan banyak pihak yang semakin mengerti tindakannya. Syahir teringat kembali pertemuannya dengan Wan Najlah yang tiba-tiba menyepi tanpa sebab. Syahir berasa bersalah jika kata-katanya mengguris hati Wan Najlah.

Sinopsis Bab 5

Syed Amiri memuji Syahir sebagai selebriti kerana artikel tentang dirinya dalam akhbar sukan tabloid itu tetapi Syahir kurang senang dengan gelaran tersebut. Kam Heng turut memuji Syahir. Syed Amiri ditinggalkan bersama Syahir. Syed Amiri mempersoalkan sama ada mereka layak ke kejohanan Antarabangsa tersebut. Mereka memulakan latihan dengan aktiviti memanaskan badan. Aktiviti diteruskan dengan latihan di bawah latihan jurulatih masing-masing. Bernard dan Syahir di bawah bimbingan Haji Marzuki. Haji Marzuki sempat memberitahu bahawa Syahir akan bertemu dengan Syed Amiri dalam kejohanan Terbuka Johor. Syahir kelihatan bimbang namun Haji Marzuki sering memberi motivasi kepadanya. Syed Amiri tidak asing lagi dengan Syahir kerana mereka telah bertemu dalam 14 kali perlawanan dan Syahir pernah memenangi 8 daripada 14 pertemuan tersebut. Syahir telah mengenali Syed Amiri sejak awal remaja lagi. Syed Amiri setahun lebih tua daripadanya dan berasal dari Johor. Syahir pernah dibesarkan oleh datuknya di Segamat. Kemudian ibu bapanya mengambilnya dan Syahir dihantar ke sekolah berasrama di Selangor dan Syed Amiri adalah seniornya. Mereka dilatih di bawah bimbingan Cikgu Kamaludin sehingga diserap dalam skuad kebangsaan. Sejak dahulu lagi Syed Amiri tidak menyenangi dan

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

sering mengambil peluang menyakiti hatinya. Tetapi Syahir tetap bertahan kerana prinsipnya sukan wasilah memupuk semangat ukhwah.

Haji Marzuki sedar akan kelebihan anak buahnya. Syahir mahir dalam pukulan pancungnya namun harus diperbaiki lagi. Syahir dan Bernard tersenarai dalam senarai 15 pemain terbaik dunia sepanjang 15 bulan mereka mendapat latihan Haji Marzuki.

Sinopsis Bab 6

Syahir mendapat panggilan daripada Wan Najlah. Namun kekangan masa latihan membataskan Syahir membalas panggilan Wan Najlah. Selepas tamat latihan, Syahir dan teman serumahnya pulang ke rumah sewa mereka (11 malam). Selepas membersihkan diri dan bersolat Syahir menonton Buletin Dunia. Pada ketika itu Wan Najlah menghubunginya lagi. Syahir bertanyakan sekiranya Wan Najlah mempunyai masalah. Wan Najlah memohon maaf kerana bersikap emosional tempoh hari. Wan Najlah terkesan dengan kata-kata Syahir tempoh hari tetapi mengakui kebenaran kata-kata Syahir. Wan Najlah memuji kehebatan Syahir mempertahankan prinsipnya dalam berpakaian semasa bersukan. Wan Najlah menyatakan keinginannya bertudung namun gusar dengan pandangan orang lain. Namun Syahir memberi dorongan dengan memberikan contoh Ruqaya al-Ghasara dalam sukan olahraga 200 meter yang berasal dari Bahrain.

Sinopsis Bab 7

Tengah hari itu, Syahir Ramzi bertemu dengan Azmie (2 tahun lebih tua daripada Syahir). Mereka mula mengenali semasa Kejohanan Terbuka Kelantan setahun yang lalu. Ketika berda di pejabat Azmie, Wan Najhan menghubunginya dan memberitahu bahawa adiknya Wan Najlah sudah bertudung dan menutup aurat ketika sesi latihan. Perkara ini mengejutkan semua warga kompleks sukan tersebut. Wan Najhan menuduh Syahir mempengaruhi adiknya. Namun Syahir menafikan dan menganggap itu adalah hidayah dari-Nya.

Beberapa pelajar UITM meminta Syahir bergambar bersama mereka dan Ratna (Juara Akademik Impiana). Syahir seboleh-bolehnya mengelak untuk bergambar berdua-duaan.

Sinopsis Bab 8

Sejak dua hari ini Engku Aiman sering mengkritik cara permainannya dengan kata-kata yang menyakitkan hatinya. Namun Syahir masih dapat bersabar. Rakan-rakannya juga menyedari sikap Engku Aiman terhadap Syahir. Engku Aiman sengaja memalukan dan melemahkan dirinya di hadapan Dr Asyraf (pengurus pasukan negara) dan semasa ketiadaan Haji Marzuki (uzur demam selesema). Engku Aiman sering memuji Syed Amiri menyebabkan hatinya bertambah sakit.

Syahir pulang ke rumah emaknya (Bandar Baru Bangi) untuk meluangkan masa bersama keluarga sebelum dia berangkat ke Johor Bahru. Seusai mendengar kuliah Ustaz Itqan Fathi, Syahir dan ibunya pergi ke pasar malam. Pada malam itu (10 malam) Syahir

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

mendapati ibunya terlentang di atas katil dalam keadaan bertelekung. Hati Syahir bimbang kerana tubuh ibunya panas.

Sinopsis Bab 9

Perjalanannya ke Johor Bahru tengah hari itu diselubungi kebimbangan terhadap ibunya yang uzur. Kak Uda meyakinkannya ibunya akan sembuh. Ibunya turut merestui pemergiannya. Haji Marzuki juga tidak dapat bersamanya kerana belum sembuh. Kejohanan Terbuka Johor (Dewan Badminton Tanjung Puteri Utama) bermula selepas solat Jumaat. Syahir berjaya menewaskan pihak lawannya. Syahir dan rakannya terkejut dengan prestasi baik Syed Amiri. Syed Amiri turut mendapat sokongan penonton kerana Syed Amiri berasal dari Johor.

Syahir bangga dengan perubahan Wan Najlah ketika kejohanan tersebut. Dr Asyraf memanggilnya ketika Syahir ingin pulang ke hotel. Dr Asyraf menasihati supaya Syahir fokus kepada kariernya dan tidak mencari publisiti murahan sambil menunjukkan gambarnya bersama Ratna. Syahir terkejut kerana gambar tersebut telah diedit seseorang dan dimasukkan di dalam akhbar.

Sinopsis Bab 10

Syahir menentang Syed Amiri, namun konsentrasinya terganggu dengan gosip liar dan keputusan berat sebelah semasa pertandingan. Walaupun Syahir cuba membantah tetapi pengadil pertandingan tetap dengan keputusannya yang berat sebelah. Kecewaannya menjadikan permainannya bertambah hambar dan Syed Amiri akhirnya berjaya menewaskan Syahir. Oleh itu, Syed Amiri layak ke Jakarta manakala Syahir sebaliknya.

Sinopsis Bab 11

Semua pemain utama skuad kebangsaan layak ke Jakarta kecuali Syahir. Hal ini menjadikannya tidak selesa ketika menjalani latihan biasa di kompleks sukan tersebut. Walaupun sahabatnya memberi kata perangsang namun kecewaan hatinya masih menebal dalam jiwanya. Kata-kata Syed Amiri sejurus memenangi kejohanan tersebut manambah sakit hatinya. Haji Marzuki berharap Syahir tidak patah semangat kerana kekalahan tersebut dan meminta Syahir bercuti untuk menenangkan fikiran.

Selepas latihan petang itu, Syahir terus pulang ke rumah emaknya dan pergi ke rumah Mak Usu (Seremban) bersama emak dan Kak Uda. Ketika berada di rumah Mak Usu Syahir menerima panggilan Haji Marzuki yang memberitahu rakannya, Gopinath terlibat dalam kemalangan.

Sinopsis Bab 12

Rancangannya untuk bersama keluarga Mak Usu ke selatan terpaksa dibatalkan kerana terpaksa pulang ke Kuala Lumpur setelah diarahkan oleh Haji Marzuki. Hanya Kak Uda dan emaknya sahaja yang pergi bersama Mak Usu menziarahi pusara datuk dan opahnya di Segamat. Mujur keluarganya memahami situasi yang dihadapinya.

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Walaupun kehairanan kerana diminta pulang dan menjalani latihan seperti biasa, namun Syahir menurut kata jurulatihnya itu. Haji Marzuki akhirnya memberitahu bahawa dia berkeras dengan pihak atasan untuk menggantikan Gopinath dengan Syahir untuk kejohanan di Jakarta. Syahir bersyukur kerana masih berpeluang ke Jakarta.

Prestasi Syed Amiri semakin mendapat perhatian pihak media. Manakala Syahir sering mendapat kutukan Engku Aiman kerana kekalahan mereka tahun lalu. Namun Syahir cuba menjauhkan perasaan amarahnya supaya dia dapat memberi tumpuan untuk kejohanan pada tahun ini.

Sinopsis Bab 13

Hatinya cemas kerana mengetahui undian pencabar lawannya di Jakarta. Namun Haji Marzuki seolah-olah dapat membaca hatinya dan terus memberikan semangat dan nasihat kepadanya. Syahir mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi lawannya mengikut rentak permainannya. Namun Syahir mempunyai kelemahan kerana bermain mengikut mood dan sukar mengawal emosi. Syahir juga bertemu Dr Haikal (kaunselor untuk meningkatkan psikologi pemain) namun nasihat yang diterimanya tidak sehebat nasihat Haji Marzuki. Pada 10.15 malam itu, Syahir menerima panggilan daripada Kak Uda yang memberitahu emaknya pitam di rumah abang Long.

Sinopsis Bab 14

Syahir menerima banyak cabaran sebelum ke Jakarta. Emaknya terlantar di Hospital Universiti dan Syahir mendapat tentangan abang Long dan Kak Ngahnya untuk membenarkannya ke Jakarta. Selepas solat Istikharah Syahir menghubungi Kak Uda dan Kak Uda memaklumkan emaknya bertambah stabil. Kak Uda turut menasihati Syahir supaya meneruskan niatnya ke Jakarta demi negara. Syahir menyiapkan pakaian untuk seminggu berada di Jakarta. Sebelum berangkat Syahir, Wan Najhan dan Nik Shahnizam singgah ke hospital untuk mendapatkan restu emaknya. Walaupun emaknya tidak mampu berkata-kata namun Syahir seakan-akan mengerti restu emaknya untuk berjuang demi negara.

Sinopsis Bab 15

Walaupun sudah kali keempat bertanding di Indonesia tetapi perasaan gemuruh masih terbit dalam dirinya. Dalam masa yang sama ingatan terhadap emaknya yang menghidap penyakit angin akmar tidak hilang daripada ingatannya. Sehari sebelum kejohanan bermula para pemain dibenarkan berlatih di Istora Senayan (Gelora Bung Karno). Syahir diletakkan sebagai pilihan ke-12. Syahir berjaya menentang lawannya dalam setiap perlawanan bertemu Korea Selatan, China dan Indonesia. Akhirnya dia, Kam Heng, Syed Amiri dan pasangan beregu Wan Najhan-Boon Lee berjaya ke suku akhir. Semasa di Jakarta Syahir tidak lupa bertanyakan khabar emaknya dan Syahir berdoa kepada Tuhan agar diberikan kekuatan fizikal, mental, iman dan kesembuhan emaknya.

Sinopsis Bab 16

Setelah lima hari berlalu, Syahir berjaya ke peringkat penentuan juara lelaki perseorangan. Syed Amiri yang dicanang sebagai juara akhirnya tewas di peringkat separuh akhir. Lualan Syahir bertambah mudah setelah menang menentang pemain dari China, lawan seterusnya cedera selepas 5 minit perlawanan dan menarik diri. Akhirnya Syahir bakal bertemu lawan dari Indonesia, Andri Minarwan (26 tahun). Khabar emaknya bertambah sihat melegakan hati Syahir. Wan Najlah turut memberikan kata-kata semangat kepadanya. Kata-kata temannya itu melekat dalam ingatannya.

Haji Marzuki tiba-tiba memanggilnya ketika pegawai lain menyaksikan perlawanan akhir kategori wanita. Haji Marzuki ingin memberitahu sesuatu perkara sebelum Syahir menentang Andri Minarwan. Haji Marzuki memaklumkan bahawa dia berjanji akan meletak jawatan sekiranya Syahir gagal menjadi juara pada malam itu. Syahir terharu dengan kepercayaan dan keyakinan jurulatihnya terhadap dirinya itu.

Sinopsis Bab 17

8.20 malam, perlawanan bermula. Mulutnya tidak henti-henti berzikir untuk mengurangkan rasa gemuruh. Andri memulakan servis pertama. Pemain tangan kanan ini bijak mengawal gelanggang dan mendahului mata perlawanan. Namun Syahir menukar corak permainannya dan berjaya memenangi set pertama. Set kedua berlalu namun berlaku ketidakadilan pengadil gelanggang. Dalam masa yang sama Syahir mengalami sakit di bahagian abdomennya. Syahir tetap meneruskan perlawanan. Dia sering mengingati nasihat jurulatihnya supaya bersabar dan tidak mengikut emosi seperti yang berlaku di Johor Bahru. Akhirnya Syahir berjaya menentang pemain Indonesia itu dan dinobatkan sebagai juara kategori lelaki. Semasa sesi penyampaian pingat Syahir tidak dapat menahan kesakitannya dan rebah di atas podium tersebut.

Sinopsis Bab 18

Syahir terpaksa menjalani pembedahan Apendisitis dan terlantar di hospital Jakarta beberapa hari. Selepas itu, dia pulang ke Malaysia. Syahir bersyukur kerana diberi nikmat untuk hidup lagi. Ketika tiba di hospital Universiti, keluarganya telah menunggunya. Syahir terus memeluk emaknya dan memberikan pingat kemenangan kepada emaknya. Abang Long menyatakan rasa bangganya kepada adik bongsunya itu. Syahir berharap selepas ini dia berjaya ke Sukan Olimpik pula.

Tema dan Persoalan

Tema

Tema novel ini ialah ketabahan seorang pemain badminton dalam menghadapi dugaan dan rintangan sebelum bergelar juara dunia. Syahir tabah menerima pandangan negatif daripada orang sekeliling kerana tindakannya menutup aurat semasa bermain badminton. Hal ini demikian kerana, dia masih berpegang pada syariat Islam dan pesanan arwah ayahnya. Sementara itu, Engku Aiman dan Syed Amiri yang sememangnya tidak menyukai Syahir sering mencemuh dan mengejeknya untuk melemahkan semangatnya. Kekalahan Syahir di tangan Syed Amiri semasa kejohanan Terbuka Johor juga membuktikan bahawa dia seorang yang tabah apabila dia meneruskan latihan seperti biasa walaupun menyedari

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

dirinya tidak layak menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta. Semasa mahu berangkat ke Jakarta, Syahir diuji pula dengan berita emaknya yang menghidap strok hingga menyebabkan dia berbelah bahagi sama ada mahu meneruskan impian ke Jakarta ataupun menjaga emaknya yang sedang sakit. Syahir juga terpaksa berhadapan dengan sikap berat sebelah pihak pengadil semasa bertanding pada peringkat akhir di Jakarta. Namun, akhirnya Syahir berjaya bergelar juara dalam kejohanan tersebut.

Persoalan

Watak dan Perwatakan

Syahir

Pemain badminton skuad kebangsaan.
Anak bongsu daripada lima orang adik beradik.
Mahasiswa di Jabatan Pengajian Sukan, UPM Serdang.
Seorang yang tabah menghadapi dugaan hidup.
Seorang yang tetap pendirian.
Penyayang.
Penyabar.
Taat akan pesanan.
Menurut tunjuk ajar dan nasihat.
Kak Uda Syahrizah/Kak Uda

Kak Uda Syahrizah ialah kakak kepada Syahir.
Dia merupakan pegawai perubatan di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.
Seorang yang penyayang.
Seorang yang memahami.
Seorang yang suka mengusik.
Haji Marzuki

Jurulatih perseorangan badminton skuad kebangsaan.
Berpandangan positif.
Pandai menyelami perasaan orang lain.
Berani mengambil keputusan.
Bertanggungjawab.
Syed Amiri

Pemain badminton skuad kebangsaan.
Seorang yang suka menyindir.
Seorang yang memandang rendah kebolehan orang lain.
Binaan Plot

1. Permulaan

Syahir merupakan salah seorang pemain badminton skuad kebangsaan. Dia ditemu ramah oleh rakan baiknya, iaitu Azmie. Perbualan antara mereka berdua agak lama hingga menyebabkan dia lewat masuk ke dalam dewan untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh ketua jurulatih, iaitu Engku Aiman. Syahir diberitahu bahawa mereka terpaksa menyertai Kejohanan Terbuka Johor. Peraturan dan kehendak Persatuan Bulu

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Tangkis Se-Malaysia (PBSM) mewajibkan mereka menyertai kejohanan tersebut terlebih dahulu untuk menentukan sama ada mereka layak mewakili negara ke Jakarta atau tidak.

2. Perkembangan

Syahir sebagai seorang pemain badminton menjalani kehidupan yang penuh liku dan cabaran sebelum layak ke Jakarta. Berita kurang menyenangkan daripada pihak PBSM telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pemain, terutamanya Syahir. Hal ini demikian kerana, mereka terpaksa bersaing sesama sendiri. Dalam peraturan baru itu, Engku Aiman mengatakan bahawa ranking dunia tidak akan menjamin prestasi semasa.

3. Perumitan

Haji Marzuki dan Mas Suparman terpaksa akur dengan keputusan PBSM dan terus melatih pemain skuad kebangsaan, terutamanya Syahir dan Bernard yang dikatakan memiliki potensi dalam permainan. Syahir sering menjadi bahan sindiran dan ejekan oleh Syed Amiri dan Engku Aiman tidak menyukainya. Pada suatu hari, Syahir pergi ke pejabat rakan baiknya, Azmie di Taman Shamelin Perkasa. Di sana, dia didatangi oleh empat orang gadis dan Ratna, iaitu juara program Akademi Impiana untuk bergambar bersama-sama. Pada mulanya dia menolak, tetapi Syahir terpaksa akur apabila diberi alasan untuk bergambar beramai-ramai. Kesan daripada peristiwa itu, Syahir digosipkan bercinta dengan Ratna apabila gambar mereka berdua tersiar dalam akhbar. Perjalanan Syahir untuk mewakili negara ke Jakarta semakin rumit apabila dia berhadapan dengan masalah emaknya yang sakit sebelum dia ke Johor. Semasa Kejohanan Terbuka Johor, Syahir telah ditewaskan oleh Syed Amiri menyebabkan harapannya untuk menyertai Kejohanan Dunia di Jakarta tidak kesampaian.

4. Klimaks

Syahir dikehendaki menggantikan Gopinath ke Jakarta kerana rakannya itu terlibat dalam kemalangan jalan raya. Walaupun dia terpaksa menghadapi rintangan apabila diberitahu bahawa emaknya menghidap strok, Syahir tabah melangkah kaki ke Jakarta bagi memikul harapan jurulatih dan negara. Syahir yang berjaya ke peringkat akhir akan bertemu dengan Andri Mirnawan, iaitu wakil tuan rumah. Akhirnya, Syahir berjaya menundukkan wakil Indonesia itu walaupun menghadapi kesukaran seperti keputusan pengadil yang berat sebelah, sokongan padu daripada para penyokong Andri, dan kesakitan pada bahagian perut yang dialaminya.

5. Peleraian

Syahir hampir rebah semasa majlis penyampaian hadiah dan segera dikejarkan ke hospital. Syahir telah disahkan menghidap Apendisitis atau radang apendiks dan telah dibedah di Jakarta sebelum dibawa pulang ke Malaysia. Syahir amat bersyukur dan menganggap bahawa kemenangan itu adalah untuk bangsa, agama, dan negara. Sebaik-baik tiba di Malaysia, Syahir melawat emaknya di hospital dan menyerahkan pingat yang dimenangnya kepada emaknya. Azam Syahir yang seterusnya ialah mewakili negara ke Sukan Olimpik pula.

Teknik Plot

Dialog. Contohnya, perbualan antara Syahir dengan Azmie. Syahir meminta rakan baiknya itu agar tidak menulis perkara yang tidak sepatutnya dalam Minggu Riadah itu nanti.

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Monolog. Contohnya, Syahir bermonolog mempertikaikan kemenangan Syed Amiri dalam kejohanan Terbuka Johor adalah kerana pengadil perlawanan turut bersekongkol untuk memberikan kemenangan kepada Syed Amiri.

Imbas Kembali. Contohnya, emak telah mengingatkan semula tentang pesanan arwah ayah Syahir kepada Syahir.

Imbas muka. Syahir berasa serba salah untuk meneruskan perjuangannya di Jakarta setelah mendapat berita bahawa emaknya diserang strok. Syahir mula membayangkan keadaan yang akan berlaku sekiranya emaknya meninggal dunia semasa dia berada di Jakarta.

Suspens. Contohnya, semasa pertarungan antara Syahir dengan Syed Amiri, pembaca tertanya-tanya pemain yang akan memenangi perlawanan badminton tersebut. Hal ini demikian kerana pertarungan antara mereka sangat sengit, ditambah pula dengan beberapa keputusan pengadil yang berat sebelah.

Latar

Latar Tempat

Latar Tempat

(a) Rumah keluarga Syahir di Bandar Baru Bangi

– emak dan Syahir berbual-bual tentang masa depannya dalam dunia badminton semasa di rumah mereka. Emak berpesan agar Syahir sentiasa mengingati amanat arwah ayahnya juga.

(b) Jabatan Pengajian Sukan, UPM Serdang

– Syahir melanjutkan pelajaran di Jabatan Pengajian Sukan, UPM Serdang setelah menolak tawaran untuk menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia.

(c) Gelanggang latihan badminton

– skuad badminton kebangsaan menjalani latihan di bawah kendalian Haji Marzuki, Engku Aiman, dan Mas Suparman sebagai persediaan awal sebelum kejohanan Terbuka Johor dan Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.

(d) Restoran 48 jam

– Syahir dan Wan Najhan singgah makan tengah hari di restoran itu lalu bertemu dengan Wan Najlah yang datang untuk membeli nasi ayam.

(e) Taman Shamelin Perkasa

– pejabat rakan Syahir, iaitu Azmie yang merupakan seorang wartawan terletak di Taman Shameli Perkasa. Di sana juga Syahir telah didatangi oleh empat orang gadis dan Ratna, iaitu juara program Akademi Impiana.

(f) Kem latihan pemain wanita

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

– kem itu menjadi gempar apabila Wan Najlah hadir untuk menjalani latihan badminton dengan memakai tudung dan berseluar trek panjang.

(g) Dewan Badminton Tanjung Puteri Utama.

Contohnya, kejohanan Terbuka Johor diadakan di dewan itu yang menyaksikan kekalahan Syahir di tangan Syed Amiri.

(h) Seremban

– Syahir, emaknya, dan Kak Uda Syahrizah pergi menziarahi rumah Mak Usu Sapiah yang baru sahaja kematian suami.

(i) Taman tasik

– Syahir mengambil angin pada waktu malam di sekitar taman tasik.

(j) Stadium badminton Istora Senayan / Gelora Bung Karno

– gelanggang pertemuan dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta. Di sinilah Syahir telah melakarkan nama sebagai juara dunia apabila berjaya mengalahkan Andri Minarwan.

(k) Hospital di Jakarta

– Syahir telah dibedah sebelum pulang ke Malaysia setelah hampir rebah semasa majlis penyampaian hadiah akibat menghidap radang apendiks.

Latar Masa

(a) Waktu malam

– Syahir telah meluangkan masa untuk makan bersama-sama dengan emak dan Kak Uda Syahrizah di rumah mereka.

(b) 15 tahun

– Syahir telah menjadi johan negeri kategori perseorangan bawah 15 tahun ketika di tingkatan 3. Ayah Syahir telah mematahkan raket dan menghempas piala kemenangannya itu kerana mahu mengendurkan semangatnya terhadap sukan badminton.

(c) 18 tahun

– Syahir berjaya menjuarai kategori perseorangan bawah 18 tahun lantas bergelar juara remaja kebangsaan.

(d) Pukul 11:10 malam

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

– Syahir menonton siara Buletin Dunia di televisyen yang menyiarkan tentang perang di Iraq dan senario politik di Palestin.

(e) Waktu pagi

– sesi latihan badminton diteruskan seperti biasa. Para pemain telah melakukan aktiviti memanskan badan, senaman, dan regangan badan sebelum meneruskan aktiviti lain. Pada masa itu, Syed Amiri sempat menyindir tentang kelayakan Syahir untuk menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.

(f) Pukul 8:30 pagi

– Syahir dan Bernard meneruskan latihan di bawah bimbingan jurulatih, Haji Marzuki. Kemudian, Haji Marzuki telah menyampaikan berita yang kurang baik, iaitu Syahir akan bertemu dengan rakan seperjuangannya, Syed Amiri pada kejohanan Terbuka Johor.

(g) Selepas solat maghrib

– Syahir mendapati ada tiga panggilan telefon yang tidak berjawab daripada Wan Najlah pada telefon bimbitnya. Syahir tidak berkesempatan untuk menghubunginya semula kerana latihan sesi malam akan bermula.

(h) Pukul 11:00 malam

– Wan Najlah telah memberanikan diri untuk menelefon Syahir bagi meminta maaf atas sikapnya yang emosional terhadap Syahir. Wan Najlah memberitahu hasratnya untuk menutup aurat juga.

(i) 10 minit

– Azmie meminta Syahir menunggunya selama 10 minit kerana pada masa itu dia ada kerja yang perlu diselesaikan terlebih dahulu.

(j) Pukul 8:30 malam

– Syahir telah kecundang di tangan Syed Amiri dalam kejohanan Terbuka Johor yang menyebabkan dia gagal ke Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.

(k) Selepas waktu asar

– Syahir, emaknya, dan Kak Uda Syahrizah pergi ke Seremban untuk menziarahi Mak Usu Sapiah.

(l) Pukul 8:00 malam

– Gopinath terlibat dalam kemalangan jalan raya di Gombak menyebabkan Haji Marzuki memanggil Syahir semula ke kem latihan untuk menggantikan Gopinath.

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

(m) Pukul 10:15 malam

– pada waktu ini, Syahir mencari ketenangan dengan berjalan-jalan mengelilingi tasik.

(n) Hampir 2 jam

– tempoh penerbangan Syahir dan pasukan badminto skuad kebangsaan dari Kuala Lumpur ke Jakarta memakan masa selama hampir 2 jam.

(o) Pukul 8:20 malam waktu tempam

– Syahir turun ke gelanggan dengan diiringi oleh Haji Marzuki dan Mas Suparman. Syahir akan bersaing dengan jaguh tuan rumah, iaitu Andri Minarwan.

Latar Masyarakat

Latar Masyarakat

(a) Masyarakat yang tabah mengharungi liku-liku kehidupan.

Contohnya, Syahir seorang pemain badminton skuad kebangsaan yang tabah kerana melalui banyak halangan dan rintangan sebelum berjaya bergelar juara dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa di Indonesia.

(b) Masyarakat yang sentiasa ingat akan pesanan.

Contohnya, Syahir sentiasa mengingati pesanan arwah ayahnya agar memberikan sumbangan kepada bangsa, negara, dan memelihara syariat Islam dalam bersukan.

(c) Masyarakat yang berani untuk mengemukakan pendapat.

Contohnya, Syahir berani mengemukakan pendapat tentang tindakan pihak PBSM yang tidak menggunakan sistem ranking dunia untuk menentukan kelayakan ke kejohanan antarabangsa di Jakarta sebaliknya bergantung pada keputusan kejohanan Terbuka Johor.

(d) Masyarakat yang gigih berusaha.

Contohnya, para pemain badminton skuad kebangsaan gigih menjalani latihan di bawah bimbingan Haji Marzuki dan Mas Suparman pada setiap hari sebelum kejohanan Terbuka Johor dan Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.

(e) Masyarakat yang pilih kasih.

Contohnya, Engku Aiman sering menyebelahi Syed Amiri yang dianggap sebagai anak emas dalam apa-apa jua tindakan.

(f) Masyarakat yang simpati terhadap nasib orang lain.

Layari : Docx.my (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

Contohnya, Syahir berasa simpati akan nasib rakyat Palestin yang ditindas oleh Amerika dan sekutunya, Israel di tanah air mereka sendiri.

(g) Masyarakat yang tetap pendirian.

Contohnya, Syahir tetap dengan prinsipnya untuk memakai pakaian yang menutup aurat ketika bersukan kerana mahu menjaga syariat agama.

(h) Masyarakat yang mengamalkan sikap kasih sayang dalam kehidupan.

Contohnya, Kak Uda Syahrizah sanggup mengambil cuti kerana mahu menjaga emaknya yang sedang sakit akibat menghidap strok.

(i) Masyarakat yang tidak mudah berputus asa.

Contohnya, Syahir tetap meneruskan latihan rutin sebagai pemain badminton walaupun telah tersingkir daripada senarai pemain skuad kebangsaan yang akan menyertai Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta.

Gaya Bahasa

Metafora. Contohnya, Tidak semena-mena wajah arwah abah pula yang hadir di layar minda.

Peribahasa. Contohnya, datang tidak bersambut, pulangbiarlah berhantar; berpeluk tubuh; makan hati; kepala batu.

Simile. Contohnya, "Kadang-kadang terasa macam bola,disepak dilambung ke sana ke mari."

Sinkope. Contohnya, "Saya tak sedap hati nak pergi, kak."

Personifikasi. Contohnya, Ada keresahan mengintai dalamnubari.

Hiperbola. Contohnya, Peluang kini terbuka luas untuk sayamematikan bulu tangkis dengan smash tajam membunuh ke lantai kejut gelanggangnya.

Nilai dan Pengajaran

Nilai

(a) Kegigihan.

Conothnya Syahir dan rakan-rakannya dalam skuad kebangsaan telah berlatih dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk mengharungi kejohanan yang seterusnya.

(b) Keberanian.

Contohnya, tindakan Wan Najlah memakai tudung dan seluar trek panjang semasa berlatih di kem latihan wanita telah membuktikan bahawa dia berani melakukan perubahan untuk menutup aurat seperti yang pernah dikatakan kepada Syahir.

(c) Kasih sayang.

Contohnya, Kak Uda sanggup menjaga emaknya yang menghidap strok dengan mengambil cuti. Tambahan pula, pada masa yang sama Syahir tidak dapat menjaga emak kerana akan bertanding di Jakarta.

(d) Keredaan.

Contohnya, kekalahan Syahir di tangan Syed Amiri dalam kejohanan Terbuka Johor diterima dengan hati yang reda. Syahir memperbanyak zikir dan memohon kepada Allah agar diberi kekuatan untuk menahan diri daripada menyerah pegawai-pegawai perlawanan yang bersekongkol untuk memenangkan Syed Amiri.

(e) Kejujuran.

Contohnya, Wan Najlah meminta maaf kepada Syahir atas sikapnya yang emosional. Seterusnya, dia menyatakan hasratnya untuk menutup aurat semasa bermain badminton kerana mahu mengikut jejak langkah Syahir yang memelihara syariat Islam semasa bersukan.

(f) Rasional.

Contohnya, Haji Marzuki menasihati Syahir agar sentiasa bersikap rasional dan tenang sebagai persediaan ke Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta. Haji Marzuki mahu Syahir mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya terlebih dahulu.

Pengajaran

Kita hendaklah mengingati pesanan yang baik yang disampaikan oleh seseorang. Contohnya, Syahir sentiasa mengingati pesanan arwah ayahnya agar memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara serta memelihara syariat dalam bersukan.

Kita haruslah berani untuk menyatakan pendapat. Contohnya, Syahir berani menyatakan pendapatnya bahawa dia tidak bersetuju dengan tindakan pihak PBSM yang tidak menggunakan ranking dunia dalam pemilihan pemain bagi kejohanan dunia di Jakarta. PBSM telah menukarkannya kepada prestasi semasa Kejohanan Terbuka Johor untuk pemilihan mewakili negara.

Kita mestilah berpendirian teguh dalam melakukan sesuatu. Contohnya, Syahir tetap dengan pendiriannya untuk menutup aurat semasa bermain badminton walaupun sesetengah pihak tidak bersetuju pada mulanya dan ada yang melabelkan dia sebagai muslim yang konservatif serta 'kepala batu dari hulu.'

Kita hendaklah berfikiran positif terhadap sesuatu perkara. Contohnya, Syahir hanya tersenyum dan mengambil positif kritikan Engku Aiman yang mempertikaikan permainannya yang dikatakan agak lembap, kelam-kabut, dan mudah terikut-ikut rentak lawan. Engku Aiman menganggap Syahir tidak mampu melawan pemain dari China.

Kita tidak seharusnya memandang rendah terhadap orang lain. Contohnya, Engku Aiman dan Syed Amiri telah memandang rendah akan keupayaan Syahir untuk mara ke Kejohanan Badminton Kebangsaan di Jakarta.

Kita tidak seharusnya bersikap pilih kasih dalam kehidupan. Contohnya, Engku Aiman menganggap Syed Amiri sebagai anak emas dan sentiasa memuji keupayaan pemain itu manakala pemain-pemain badminton yang lain dianggap tidak sehebat Syed Amiri, terutamanya Syahir.

Penutup

Sekian. Semoga perkongsian ini iaitu Novel Justeru Impian di Jaring dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat kepada anda khususnya kepada murid dan guru-guru sekolah

Layari : [Docx.my](https://www.docx.my) (Sumber Pendidikan Dan Laman Pendidikan Percuma)

menengah. Teruskan bersama kami di t.me/sistemguruonline bagi mendapatkan informasi dan bahan-bahan pendidikan yang terkini dan terbaik dari semasa ke semasa. Terima kasih.